

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK (BALIK PULAU)**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jelaskan sikap ketidakpedulian (*inaction*) apabila wabak COVID-19 merebak dengan pantas dalam penjara-penjara di bawah seliaan Kementerian dan mengharapkan bantuan orang ramai membantu menyumbang barang keperluan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dimaklumkan, kenyataan yang menuduh bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia mengambil sikap ketidakpedulian adalah tidak berasas sama sekali. Begitu juga tohmahan bahawa Kementerian dan Jabatan Penjara hanya mengharapkan bantuan orang ramai membantu menyumbang barang keperluan juga tidak tepat.

Jabatan Penjara dengan sokongan padu dari KDN telah mengambil tindakan segera bagi menangani isu COVID-19. Begitu juga perkembangan yang berlaku turut dipantau pada setiap masa secara dekat dan berterusan. Di antara tindakan yang telah diambil secara bersama yang melibatkan KDN adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan 11 penjara sementara sebagai Pusat Transit Penerimaan untuk banduan serta meluluskan peruntukan berjumlah RM4,410,685.00 bagi membolehkan penjara sementara beroperasi dengan sempurna;
- ii. Meluluskan sejumlah peruntukan darurat yang tinggi bagi keperluan Jabatan Penjara Malaysia mendapatkan keperluan tambahan yang melibatkan pelbagai peralatan termasuklah peralatan *PPE*, peralatan harian banduan, penyediaan makanan bermasak, penyewaan kenderaan dan lain-lain;
- iii. Menilai dan merancang bersama Jabatan Penjara Malaysia bagi penggunaan PLKN sebagai *admission prison* untuk menempatkan banduan kategori keselamatan minima bagi mengurangkan kesesakan dan seterusnya kebolehjangkitan COVID-19;
- iv. Melaksanakan pindaan Peraturan 111 (1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000 untuk mempercepatkan Jabatan Penjara Malaysia melaksanakan pembebasan banduan secara lesen bagi mengurangkan lagi kadar kesesakan;

## **SOALAN NO : 37**

- v. Meluluskan rancangan mewujudkan pusat-pusat transit di penjara;
- vi. Menilai SOP yang digunakan oleh Jabatan Penjara bagi melihat keberkesanannya dalam mencegah COVID-19 termasuklah dalam aspek yang melibatkan kebajikan;
- vii. Mengadakan perbincangan dan penilaian secara berterusan bersama Jabatan Penjara Malaysia berhubung langkah dan keperluan Jabatan menangani isu ini melalui *Prison COVID-19 Task Force* di peringkat Kementerian; dan
- viii. Jabatan Penjara Malaysia memberikan jaminan bahawa akan terus mengambil berat dan prihatin terhadap hal ehwal kebajikan warga Jabatan. Bagi maksud ini bantuan kewangan kepada penjara serta anggota yang terlibat turut disumbangkan melalui Tabung COVID-19 dan Persatuan Pegawai Penjara.

Kerjasama diantara KDN dan Jabatan Penjara Malaysia telah dapat menangani isu-isu berkaitan COVID-19 dengan berkesan dan efektif sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) keatas beberapa penjara telah dimansuhkan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan yang amat prihatin dengan situasi semasa di penjara telah menghulurkan bantuan seperti peralatan PPE dan keperluan harian untuk anggota penjara dan banduan.

Jabatan Penjara Malaysia melalui KDN ingin menjelaskan bahawa Jabatan tidak pernah memberikan sebarang kebenaran kepada mana-mana pihak termasuk pertubuhan dan orang perseorangan untuk membuat kutipan amal bagi tujuan COVID-19 untuk mana-mana institusi penjara. Jabatan Penjara Malaysia amat berterima kasih di atas bantuan yang diterima dan sokongan yang diberikan tetapi Jabatan Penjara Malaysia berharap agar isu ini tidak dipolitikkan bagi kepentingan mana-mana pihak.